

**Abdullah Dedah Dana Ekuiti Swasta US\$500 Juta
Bernama
3 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi hari ini mendedahkan pelan bagi dana ekuiti swasta berjumlah US\$500 juta untuk menumpukan kepada peluang global dalam industri halal.

Dana itu akan dikumpulkan secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun akan datang oleh Azka Capital, firma penasihat ekuiti swasta yang menumpukan kepada inisiatif industri halal.

Abdullah, yang merupakan Pengerusi Lembaga Penasihatnya berkata, sekarang merupakan masa yang sesuai untuk mewujudkan peluang yang kukuh bagi membolehkan penyertaan lebih besar dalam sektor halal.

"Permintaan terhadap produk dan perkhidmatan halal dijangka meningkat dengan pertumbuhan populasi Islam dan peningkatan kesedaran tentang standard halal. Kini masa yang sesuai untuk menunjukkan sokongan, bukan setakat bercakap sahaja," kata Abdullah dalam ucap tama beliau semasa Persidangan Minggu Halal Dunia 2013, di sini, Rabu.

Persidangan itu diadakan bersempena dengan Minggu Halal Dunia 2013 selama empat hari yang bermula hari ini.

Abdullah berkata prospek bagi pasaran halal boleh dilihat daripada perspektif populasi Islam global, yang dijangka berkembang kepada tiga bilion, manakala pada masa yang sama perkhidmatan terlalu sedikit.

"Selain itu untuk mengumpulkan dana bagi pelaburan, Azka Capital akan menyediakan penyelesaian bagi peserta industri halal, termasuk perkhidmatan penasihat dalam akses pengemudian ke pasaran halal," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Azka Capital Darhim D.Hashim berkata dana itu akan dikumpulkan terutamanya di negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan Asia.

"Ia tidak akan dibuka kepada orang awam dan adalah bagi individu kaya dan institusi, kerana kami menyasar penutupan pertama (tranche pertama) US\$100 juta (bagi modal minimum).

"Kami memperoleh minat dari Emiriah Arab Bersatu (Dubai), Arab Saudi dan Kuwait," katanya.

Beliau juga berkata dana itu dijangka dilancarkan pada separuh pertama 2013.

Azka Capital ialah inisiatif terbaharu yang akan dibangunkan bersama oleh World Halal Forum. Syarikat itu akan mendapat khidmat nasihat daripada pengamal sektor makanan halal, di samping perkhidmatan penasihat Syariah daripada Amanie Advisors dan Dar Al Shariah yang berpangkalan di Dubai.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=939160>

